

30 AUG 2000

Ghani-HIV

JOHOR ANJUR SEMINAR BINCANG CADANGAN PERIKSA DARAH BAKAL PENGANTIN

JOHOR BAHRU, 30 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Johor akan menganjurkan satu seminar bagi membincangkan mengenai kesesuaian mensyaratkan bakal pengantin lelaki menjalani ujian darah untuk menentukan mereka bukan pembawa kuman HIV yang menyebabkan AIDS.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata seminar itu akan meninjau pandangan daripada segi agama, kesihatan dan juga hak asasi manusia berhubung cadangan ujian darah itu.

Seminar itu, yang sedang diatur oleh Jabatan Agama Islam Johor dijangka diadakan dua minggu lagi, katanya pada sidang media selepas melancarkan projek Larian Johor-Singapura melalui Jambatan Laluan Kedua 2000 di sini, hari ini.

Larian separuh maraton sejauh 21 kilometer dan suku maraton sejauh 10 km itu akan diadakan pada 29 Okt. Ia dianjurkan bersama oleh kerajaan Johor, The New Straits Times dan Lembaga Lebuh raya Malaysia bertujuan mempereratkan hubungan Malaysia-Singapura dan memesrakan rakyat kedua-dua negara.

Abdul Ghani berkata seminar itu akan membincangkan kertas kerja oleh pendakwah Ustaz Uthman Muhammady, selain kertas kerja Jabatan Kesihatan dan kertas kerja aspek hak asasi manusia.

Majlis Aids Malaysia (MAM) akan dijemput menghadiri seminar itu dan memberikan pandangan mereka dalam hal itu, katanya.

Mufti Johor Datuk Noh Gadut pada Jumaat lepas dilaporkan sebagai berkata bahawa Johor mungkin mengenakan syarat ujian darah itu untuk mencegah penularan kes HIV di kalangan remaja Islam di negeri itu tetapi cadangan itu disifatkan oleh Presiden MAM Datuk Paduka Marina Mahathir sebagai bukan sahaja tidak berkesan mencegah jangkitan HIV tetapi menyentuh hak asasi manusia dan memberi kesan negatif kepada penghidap HIV.

Abdul Ghani berkata kenyataan yang dibuat oleh Mufti Johor mengenai ujian darah bakal pengantin lelaki itu memang diputuskan oleh exco kerajaan negeri yang telah meminta JAIJ mengkaji keperluan mengenakan syarat tambahan sebelum pasangan bernikah.

"Dalam hal ini kita lebih menekankan segi sudut agama dan hukum. Jika agama Islam telah mengizinkan syarat seperti itu, sepatutnyalah ia dijadikan landasan dalam membuat peraturan.

Abdul Ghani berkata dalam Islam sendiri ada syarat-syarat yang tidak membolehkan seseorang itu bernikah seperti ketidakupayaan seseorang lelaki melaksanakan tuntutan nafkah batin dan kecacatan tertentu di pihak perempuan.

"Kita akan dengarlah semua pandangan pada seminar itu...kerajaan Negeri perlu membincangkannya dengan lebih mendalam," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY MAI